

21/10/2002

Kerajaan kaji pandangan sebelum bertindak: Pak Lah

Zainudin Isa; Noorwati Salleh

KUANTAN, Ahad - Kerajaan akan meneliti pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan sama ada untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap penulis buku yang mengaitkan Barisan Nasional (BN) dengan kumpulan al-Qaeda.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau sudah meminta Kementerian Dalam Negeri (KDN) memikirkan tindakan yang boleh diambil terhadap penulis berkenaan, Rohan Gunaratna.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim, supaya Kabinet mengambil tindakan undang-undang terhadap penulis berkenaan.

"Itu satu pandangan dan apa juga keputusan yang kita ambil nanti biarlah hasil tindakan kita bersama kerana tentu ada beberapa orang lagi yang akan memberi pandangan," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen BN Pahang di sini, hari ini.

Semalam, Dr Rais berkata, beliau akan mencadangkan Kabinet supaya mengambil tindakan undang-undang terhadap Gunaratna berikutan penulisannya berbentuk satu pandangan jahat, tidak tepat dan mengandungi motif yang tidak diketahui.

Gunaratna dalam bukunya, *Inside Al-Qaeda: Global Network of Terror*, mengaitkan BN dengan al-Qaeda dan dakwaannya itu pula dipetik dalam laporan Pasukan Pemantau Keganasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tanpa kajian lanjut.

Abdullah ketika ditanya mengenai kemungkinan pihak tertentu mempunyai agenda untuk mengaitkan Malaysia dengan pengganas, berkata:

"Tak tahulah... saya tidak mahu mempersoalkan ada atau tidak agenda seperti itu. Kita tidak mahu menimbulkan motif orang tertentu kerana kita tiada bukti.

"Tapi, kita rasa dukacita perbuatan itu adalah perkara yang tidak baik untuk negara kita dan tak sepatutnya dilakukan," katanya.

Beliau menegaskan, kerajaan hanya akan mengambil tindakan atas apa yang berlaku akibat perbuatan ganas mereka, bukannya berdasarkan andaian atau motif yang kabur.

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah berkata, kerajaan tidak pernah berkompromi dengan keganasan, sebaliknya mempunyai pendirian tegas untuk memeranginya.

"Kita memang tidak senang hati dengan apa yang berlaku dan pendirian kita jelas tidak akan berkompromi terhadap apa bentuk keganasan, sama ada asasnya dari segi ideologi, bangsa atau agama.

"Apa yang penting, pembangunan di negara ini berjalan pesat dan usaha memerangi kemiskinan, kemunduran dan kejahilan adalah agenda utama yang perlu diteruskan," katanya pada majlis yang turut dihadiri pengerusi parti komponen BN negeri.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Abdullah berkata, dalam memerangi keganasan, konsep permuafakatan di antara semua parti komponen BN perlu dipraktikkan kerana ini menjadi benteng negara menghadapi pelbagai cabaran.

Katanya, BN dan Kerajaan Malaysia kecewa kerana dikaitkan dalam carta laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai rangkaian pengganas

al-Qaeda dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF).

"Oleh itu, kita nyatakan pendirian tegas bahawa Malaysia sebuah negara yang tidak akan berkompromi dengan apa juga bentuk keganasan.

"Kita tidak mahu orang jadi mangsa akibat perbuatan pengganas. Meskipun kita mungkin tidak seratus peratus berjaya membendung kegiatan pengganas, kita perlu bersedia dengan memastikan keadaan negara aman dan membangun," katanya.

Sehubungan itu, katanya, semua komponen BN wajar menghayati mesej supaya sentiasa mengukuhkan kerjasama, bermuafakat dan mengamalkan sikap toleransi.

Beliau berkata, formula itu masih relevan, walaupun ia diperkatakan sejak Allahyarham Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman sehinggalah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekarang.

"Bagi generasi muda, mesej itu adalah baru dan perlu diperjelaskan supaya mereka memahami bagaimana kita bersatu padu dan mengamalkan perkongsian kuasa dengan penuh komitmen," katanya.

Abdullah turut menjelaskan BN tidak mengambil sebarang tindakan secara bersendirian, sebaliknya dilakukan melalui persetujuan dan perundingan semua pihak.